



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM)

MAKLUMBALAS MENGENAI KENYATAAN DR MUZAFFAR SYAH MALLOW DALAM RUANGAN KOMENTAR BERITA HARIAN: WUJUD BADAN KHAS KENDALI ISU OSH LEBIH SERIUS

Putrajaya, 19 Februari – Kementerian Sumber Manusia (KSM) ingin memberi maklumbalas berkenaan artikel dalam ruangan **Komentor: Berita Harian (BH), Rabu, 19 Februari – Wujud Badan Khas Kendali Isu OSH Lebih Serius**. KSM merakamkan ucapan terima kasih kepada penulis dan semua pihak di atas keprihatinan, pandangan dan cadangan untuk terus mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di negara ini terutamanya di sektor pembinaan.

Kerajaan amat komited dan telah, sedang dan akan mengambil pelbagai inisiatif untuk terus memperkasa dan mempertingkatkan tahap KKP Negara. Antara inisiatif berimpak tinggi yang telah diambil termasuklah mengadakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (DKKPN) serta kini sedang melaksana Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 (OSHMP2020). Selain itu, khusus bagi sektor pembinaan, Kerajaan menerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengada dan sedang melaksana Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP) yang mana aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dijadikan sebagai salah satu teras strategik di dalamnya.

Di negara kita juga terdapat satu badan tertinggi iaitu Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP/NCOSH) bagi merancang dan memantau halatuju KKP Negara. MNKKP dianggotai oleh wakil kerajaan, majikan, pekerja serta badan

profesional KKP dan pada masa ini dipengerusi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia sendiri.

Perancangan dan pelaksanaan menerusi platform OSHMP2020, CITP dan MNKKP, melibatkan kerjasama semua pemegang taruh KKP utama termasuk wakil Kerajaan, majikan, pekerja dan badan professional yang relevan. Sehubungan dengan itu, cadangan penulis supaya diwujudkan jawatankuasa khas peringkat nasional bagi menangani isu KKP di sektor pembinaan sebenarnya telah dilaksanakan menerusi platform berkenaan.

Antara pencapaian utama menerusi kerjasama melalui platform tersebut ialah penurunan ketara kadar kemalangan dan kadar kematian pekerjaan Negara. Pada tahun 2016, kadar kemalangan pekerjaan negara ialah 2.88 bagi setiap 1000 pekerja, dan ianya telah menurun sebanyak 16 peratus kepada 2.4 bagi setiap 1,000 pekerja pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama juga, kadar kematian pekerjaan Negara telah menurun sebanyak 14.5 peratus daripada 4.84 bagi setiap 100,000 pekerja kepada 4.14 bagi setiap 100,000 pekerja.

Sehingga Januari 2020, terdapat sejumlah 67,151 pengamal KKP yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP/DOSH), jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 39 peratus berbanding tahun 2017. Antara tanggungjawab utama pengamal KKP ialah untuk mempromosi dan melaksanakan program KKP di tempat kerja bagi membantu majikan untuk mematuhi kehendak perundangan KKP. Ini adalah selaras dengan falsafah pengaturan sendiri (self-regulation) yang menjadi teras pewujudan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) [Akta 514], di mana tanggungjawab utama untuk memastikan KKP di tempat kerja terletak kepada orang yang mewujudkan risiko (majikan) dan orang yang bekerja dengan risiko berkenaan (pekerja).

Untuk makluman KSM menerusi JKKP/DOSH telah mengenalpasti bahawa sektor pembinaan merupakan sektor pekerjaan yang mempunyai risiko kemalangan maut yang tertinggi di negara ini dengan kadar kemalangan maut 13.44 bagi setiap seratus ribu pekerja berbanding dengan kadar kemalangan maut pekerjaan negara iaitu 4.14

bagi setiap seratus ribu pekerja pada tahun 2018. Sehubungan dengan itu JKPP/DOSH telah mengambil langkah untuk meningkatkan penguatkuasaan perundangan di dalam sektor ini. Pada tahun 2019 sebanyak 11,101 pemeriksaan penguatkuasaan telah dibuat ke atas tapak bina di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut 127 kes pendakwaan dan 1219 kes kompaun telah diambil ke atas terutamanya majikan di dalam sektor pembinaan yang melibatkan penalti berjumlah sebanyak RM 3.95 juta.

Selain itu JKPP/DOSH, dalam usaha berterusan untuk memantapkan tahap pengurusan KKP di dalam sektor pembinaan kini sedang dalam proses untuk mengadakan perundangan khusus yang lebih dikenali dengan OSHCIM (Occupational Safety and Health Construction Industry Management). OSHCIM merupakan perundangan yang lebih holistik yang akan memastikan aspek KKP dijadikan kewajipan kepada semua pihak yang terlibat dengan pembangunan sesuatu projek pembinaan termasuk pemaju, perekabentuk dan kontraktor. OSHCIM juga akan memastikan aspek KKP diambil kira dan dititikberatkan pada seluruh peringkat kitaran projek pembinaan seawal peringkat perancangan, pada peringkat rekabentuk, semasa pembinaan, setelah siap dan sehingga perobohan sesuatu struktur binaan. Semakan mendapati perlaksanaan perundangan setara OSCHIM di negara seperti United Kingdom, Australia dan Singapura untuk jangka masa panjang telah membantu untuk menurunkan secara ketara kadar kemalangan dalam sektor pembinaan di negara berkenaan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

19 Februari 2020